



**SEBAHAGIAN** pelajar USIM melayari laman web televisyen interaktif, USIMOnline selepas perasmian majlis Kecemerlangan dan Inovasi USIM Tahun 2009 di Nilai, semalam.

# Laman Web interaktif pertama USIMOnline

SEREMBAN 15 Jun – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) muncul sebagai institut pengajian tinggi awam (IPTA) pertama mempunyai laman web televisyen interaktif, USIMOnline untuk kakitangan dan pelajar.

Naib Canselornya, Prof. Dr. Muhammad Muda berkata, kewujudan laman web integrasi itu bagi memberi maklumat mengenai aktiviti kampus termasuk program yang dijalankan untuk semua penuntut dan kakitangan universiti berkenaan.

Katanya, melalui laman web televisyen itu segala maklumat mengenai USIM dapat diketahui oleh orang ramai dengan lebih

mudah, tepat dan terperinci.

“Ia dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan dan tenaga pakar dari universiti ini sendiri bagi membina satu saluran interaksi antara pihak universiti dengan kakitangan serta pelajar.

“Ia membolehkan orang ramai mengaksesnya melalui Internet di mana sahaja mereka berada,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Kecemerlangan dan Inovasi USIM Tahun 2009 di sini hari ini.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor.

Laman web berkenaan yugandungi empat program yang disediakan iaitu Bu-

letin, Wawancara, Santapan Rohani dan USIM WebTV.

Dr. Muhammad berkata, laman web berkenaan juga turut dikendalikan oleh penuntut yang akan memuat turun pelbagai aktiviti mereka ke dalam USIMOnline.

“USIMOnline ini sebenarnya telah dilancarkan sejak awal tahun ini cuma pada hari ini kita melancarkannya secara rasmi.

“Kita berharap dengan adanya USIMOnline ini ia akan dimanfaatkan sepenuhnya bukan sahaja oleh kakitangan malah untuk kegunaan para pelajar bagi mengetahui sebarang aktiviti di universiti ini,” katanya.